

TRIVEDON MR®

Trimetazidine Dihydrochloride (35mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TRIVEDON MR
2. Bagaimana TRIVEDON MR berfungsi
3. Sebelum mengambil TRIVEDON MR
4. Cara menggunakan TRIVEDON MR
5. Semasa menggunakan TRIVEDON MR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TRIVEDON MR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Takikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan TRIVEDON MR

Ubat ini adalah untuk pesakit dewasa, untuk merawat angina pectoris (sakit dada yang disebabkan oleh penyakit jantung).

Ia digunakan dengan kombinasi ubat lain untuk merawat vertigo (pening), *tinnitus* (telinga berdengung) dan penglihatan terjejas (tahap ketajaman penglihatan menurun)

Bagaimana TRIVEDON MR berfungsi

Ia melindungi sel-sel jantung daripada kesan bekalan oksigen yang berkurangan semasa angina.

Sebelum mengambil TRIVEDON MR

Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Trivedon MR:

jika anda alahan kepada trimetazidine atau mana-mana isi kandungan yang terdapat di dalam ubat ini.

Sebelum mula mengambil TRIVEDON MR

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Trivedon MR. Ubat ini bukan untuk menyembuhkan sakit dada dan tidak harus digunakan sebagai rawatan permulaan untuk sakit dada atau serangan jantung

Jika mengambil ubat-ubat lain

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau sudah mengambil ubat-ubat lain termasuk ubat yang diberi tanpa preskripsi atau ubat-ubat herba.

Cara menggunakan TRIVEDON MR

Berapa banyak harus digunakan

Ambil Trivedon MR selepas dinasihat oleh doktor. Jika anda kurang pasti, semak dengan doktor atau ahli farmasi. Dos yang dicadangkan untuk Trivedon MR adalah 1 tablet pada setiap pagi dan petang semasa makan

Bila perlu digunakan

Ambil Trivedon MR semasa makan

Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu berbincang dengan doktor sebelum anda berhenti mengambil tablet. Jika anda perlu penjelasan lanjut tentang penggunaan tablet ini, bertanya pada doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil 1 atau lebih dos, jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda ambil berlebihan, terus hubungi doktor atau unit kecemasan hospital yang berdekatan dengan segera.

Semasa menggunakan TRIVEDON MR

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor jika anda mengalami serangan angina. Rawatan anda perlu dinilai semula.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Trivedon MR tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 18 tahun

Kehamilan dan laktasi

Trivedon MR tidak dinasihatkan untuk diambil semasa mengandung atau jika menyusukan bayi.

Jika anda mengandung atau menyusukan bayi, rasa diri anda

mengandung atau ingin mengandung, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum mengambil ubat ini.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini mungkin akan menyebabkan anda pening dan mengantuk. Keadaan ini boleh menjejaskan kecergasan anda untuk memandu atau menggunakan mesin

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Trivedon MR boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalami yang sama. Kesan-kesan sampingan yang biasa berlaku adalah: perut tidak selesa, loya, muntah, sakit kepala, pening. Beritahu doktor anda jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan sama ada disenaraikan di atas atau tidak. Doktor anda akan membuat keputusan sama ada anda perlu terus mengambil ubat ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-

78835550, atau laman web

portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Trivedon MR

-Penyimpanan

Jauhi dari penglihatan kanak-kanak.

Simpan di bawah 25°C.

Jika doktor menasihatkan untuk berhenti rawatan, pulangkan tablet yang berlebihan kepada ahli farmasi. Simpan tablet jika doktor arahkan. Jangan ambil tablet selepas tarikh luput, yang jelas ditandakan pada kotak tablet. Tarikh luput merujuk kepada tarikh akhir pada bulan tersebut.

TRIVEDON MR®

Trimetazidine Dihydrochloride (35mg)

-Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi cara melupuskan ubat yang tidak lagi digunakan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih-keputihan, bulat, dwicembung, bersalut filem, dengan tanda *aperture* pada satu permukaan

Bahan-bahan kandungan

Kandungan aktif adalah Trimetazidine Dihydrochloride

Bahan kandungan tidak aktif:

Sodium Chloride, Povidone, Magnesium Stearate, Cellulose acetate (CA-398-10) Hypromellose (HPMC 6 cps), Ethanol, Methylene Chloride

NO. MAL: MAL12020015A

Pengilang

Cipla Ltd.,
L-139 to L-146
Verna Industrial Estate
Verna Salcette, Goa India

Pemegang Pendaftaran Produk

CIPLA MALAYSIA Sdn. Bhd. Unit No:
1101, Amcorp Tower No. 18, Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemas kini RIMUP

23/07/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)070515/00095